

**SATU ANALISIS EVOLUSI POLITIK
ANTARABANGSA SELEPAS BERAKHIRNYA ERA
BIPOLAR: TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT
TERHADAP AFGHANISTAN DAN IRAQ PASCA 11
SEPTEMBER 2001**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010**

**SATU ANALISIS EVOLUSI POLITIK
ANTARABANGSA SELEPAS BERAKHIRNYA ERA
BIPOLAR: TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT
TERHADAP AFGHANISTAN DAN IRAQ PASCA 11
SEPTEMBER 2001**

UMI KASMIAHWATI BT. MOHD. ZAINI@JAINI



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nulikan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

31 Ogos 2010

(Umi Kasmiahwati Bt. Mohd. Jaini@Jaini)
PA 2006-8206




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : UMI KASMIAHWATI BT. MOHD. ZAINI@JAINI
NO. MATRIK : PA 2006-8206
TAJUK : SATU ANALISIS EVOLUSI POLITIK ANTARABANGSA
SELEPAS BERAKHIRNYA ERA BIPOLAR: TINDAKAN
AMERIKA SYARIKAT TERHADAP AFGHANISTAN DAN
IRAQ PASCA 11 SEPTEMBER 2001
IJAZAH : SARJANA SASTERA
TARIKH VIVA : 17 OGOS 2009

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA



PROF. MADYA DR. MOHD. NOOR MAT YAZID

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN


Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya, maka terhasillah tesis ini. Ia merupakan hasil sokongan, dorongan dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli keluarga yang tersayang, Mummy, Yong, BB dan Datu'. Kepada Allahyarham bapa, semoga beliau dicucuri rahmat daripada Allah S.W.T. Tidak lupa kepada Ena' dan keluarga, Uncle Muar dan keluarga, Uncle Mimin dan keluarga. Al-Fatihah untuk Uncle Mimin yang dirindui, semoga beliau ditempatkan bersama orang-orang yang diredhai Illahi, Insya-Allah. Kepada Uncle Tutu' dan keluarga, Auntie Bahi dan keluarga, Auntie Tock dan suami, Auntie Yah serta ahli-ahli keluarga yang lain yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan selama ini. Motivasi daripada kalian semua memberi kekuatan kepada diri ini untuk meneruskan perjuangan yang masih belum selesai dan misi tesis sarjana ini merupakan salah satu daripadanya. Sekalung budi diucapkan kepada penyelia yang dihormati, Prof. Madya Dr. Mohd. Noor Mat Yazid yang telah memberikan tunjuk ajar dan panduan sepanjang pembuatan tesis ini. Kepada ahli-ahli Akedemik yang terlibat semasa sesi temubual yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Nizamuddin, Dr. Zarina Othman dan Encik Muhammad Takiyuddin serta Encik K.S Bala Krishnan daripada Universiti Malaya (UM). Disamping, rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama terlibat semasa penyelidikan dilakukan. Terima kasih atas kerjasama yang diberikan, masa yang diluangkan dan maklumat yang sudi dikongsi bersama sepanjang proses pengumpulan data. Tidak lupa juga kepada pihak Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pihak Pascasiswazah kerana memberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana. Terima kasih semua. Kertas kerja ini akan diabadikan sebagai tanda nilai sentimental peribadi, sumber rujukan kepada semua dan sebagai penghargaan kepada orang-orang yang tersayang. Sesungguhnya, bidang ilmu pengetahuan itu adalah sangat luas dan meliputi segala-galanya. Apa diperolehi pada hari ini hanya merupakan setitik daripada selautan ilmu yang luas dan dalam yang diberikan dan dipinjamkan sementara oleh Allah S.W.T kepada hamba-NYA. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

SATU ANALISIS EVOLUSI POLITIK ANTARABANGSA SELEPAS BERAKHIRNYA ERA BIPOLAR: TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT TERHADAP AFGHANISTAN DAN IRAQ PASCA 11 SEPTEMBER 2001


Kajian ini membincangkan tindakan unilateral Amerika Syarikat terhadap Afghanistan pada Oktober 2001 dan Iraq pada Mac 2003 pasca 11 September 2001 yang dipengaruhi oleh perubahan struktur antarabangsa selepas berakhirnya era Bipolar. Berlakunya Peristiwa 11 September 2001 telah menjadikan dasar luar Amerika Syarikat bersikap agresif terhadap negara-negara lain. *Neo-Realism/Structural Realism* merupakan teori yang digunakan dalam kajian ini bagi membincangkan perubahan struktur antarabangsa selepas era Perang Dingin. Teori ini mampu menjelaskan hubungan faktor sistemik dengan tindakan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan dan Iraq dalam sistem antarabangsa. Berakhirnya era Perang Dingin telah membawa kepada proses perubahan struktur antarabangsa kepada satu struktur baru. Ketiadaan ancaman Kesatuan Soviet (Rusia) dalam dekad pertama selepas berakhirnya era Perang Dingin telah memporong Amerika Syarikat mencari ancaman baru dalam misi membentuk semula keadaan struktur antarabangsa selepas berakhirnya era Bipolar. Peristiwa 11 September melalui Doktrin Bush dan misi *Global War On Terror* (GWOT) telah dijadikan instrumen politik dan ekonomi bagi mengekalkan kuasa Amerika Syarikat di peringkat sistem selepas era Perang Dingin khususnya di negara-negara rantau Timur Tengah. Ini telah memberi peluang kepada Amerika Syarikat mencipta sebuah struktur baru untuk mengimbangi kuasanya dalam sistem antarabangsa yang pada akhirnya telah membentuk satu proses perubahan struktur yang akan membahagikan dunia kepada dua blok yang berbeza iaitu blok Barat dan Islam seperti semasa era Perang Dingin.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The study discuss the action of the United States invasions on Afghanistan (October 2001) and Iraq (Mac 2003) post 11 September 2001. The invasions have been influenced by the changes of the international structure after the Bipolarity period. Neo-Realism/Structural Realism is the main theory that relevant to explain the changes of the international structural system to clarify between the systemic factor relations and the United States' actions on both countries. The end of the Cold War brought the process of the changes in the international system to a new structure. The absent of the Soviet Union (Russia) after the first decade of the Cold War, once again made the United States attempts to reshape the Bipolar system to another new structure. Through the September 11 event, Bush Doctrine and the mission of Global War on Terror (GWOT) has been applied as a political and economic instrument to sustain its power in the systemic level after the Cold War especially in the Middle East region. The event of the September 11 gave the opportunity for the United States in order to create a new structure to achieve the balance of power in the international system by attempting to find a new threat after Russia. It eventually, creates the world consisting of the two different blocks by dividing the Muslim and the West world.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN


BAB 1 : PENGENALAN	HALAMAN
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Sorotan Literatur	8
1.6 Skop Kajian	22
1.7 Kaedah Kajian	22
1.7.1 Kaedah Temubual (Sumber Primer)	22
1.7.2 Penyelidikan Perpustakaan (Sumber Sekunder)	23
1.8 Andaian-andaian Kajian	24
1.9 Teori	
<i>Neo-Realism</i> (Structural Realism)	24
1.10 Struktur Kajian	27
BAB 2 : AMERIKA SYARIKAT DAN PERUBAHAN STRUKTUR ANTARABANGSA	30
2.1 Pergolakan Politik Antarabangsa Semasa dan Selepas Perang Dingin	31
2.1.1 Era dan Pasca Perang Dingin	31
2.2 Perubahan Struktur Politik Antarabangsa Selepas Era Perang Dingin	40
2.2.1 Bipolar Kepada Unipolar atau Multipolar?	40
2.3 Penglibatan Amerika Syarikat di Rantau Timur Tengah	48
2.4 Rantau Timur Tengah	48
2.5 Hubungan Bilateral Amerika Syarikat-Israel	49
2.6 Kesimpulan	67

BAB 3 :	HALAMAN
KAJIAN KES 1: PENCEROBOHAN TERHADAP AFGHANISTAN	69
3.1 Latarbelakang Afghanistan	70
3.1.1 Geografi	70
3.1.2 Ekonomi	71
3.2 Afghanistan Semasa Era Perang Dingin	73
3.2.2 Pencerobohan dan Pendudukan Kesatuan Soviet	73
3.3 Reaksi Amerika Syarikat terhadap Afghanistan	75
3.3.1 Bantuan-bantuan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan dalam Usaha Menentang Kesatuan Soviet Semasa Era Perang Dingin	76
3.4 Afghanistan Selepas Era Perang Dingin	78
3.5 Regim Taliban	83
3.6 Hubungan Taliban dan Osama bin Laden (Al-Qaeda)	87
3.7 Peristiwa 11 September 2001 dan Pencerobohan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan	89
3.8 Afghanistan Selepas 7 Oktober 2001	105
3.9 Kesimpulan	115
 BAB 4 : KAJIAN KES 2: PENCEROBOHAN TERHADAP IRAQ	 118
4.1 Latarbelakang Iraq	118
4.1.1 Sejarah Iraq	119
4.1.2 Geografi	120
4.1.3 Penduduk	120
4.1.4 Ekonomi	121
4.1.5 Kerajaan/Pentadbiran Terbaru Iraq Pasca Saddam Hussin	122
4.2 Saddam Hussin	122

	HALAMAN
4.3 Hubungan Bilateral Amerika Syarikat-Iraq Semasa Perang Dingin dalam Era Saddam Hussin	124
4.3.1 Bantuan Amerika Syarikat Semasa Perang Iraq-Iran (1980-1988)	125
4.3 Peristiwa Gas Beracun Puak Kurdis (1988)	129
4.4 Hubungan Bilateral Amerika Syarikat-Iraq Selepas Perang Dingin	131
4.5 Amerika Syarikat vs Iraq dan Amerika Syarikat vs Vietnam	138
4.6 Kepentingan Minyak Amerika Syarikat di Iraq	144
4.7 Disebalik Pencerobohan Amerika Syarikat Terhadap Iraq Pada 18 Mac 2003	154
4.8 Pasca Perang Iraq Mac 2003	161
4.9 Kesimpulan	165
BAB 5 : PERBINCANGAN KAJIAN	167
5.1 Peranan Doktrin Bush dan Gerakan Neo-Konservatif	168
5.2 <i>Project for New America Century</i> (PNAC) Instrumen Terawal Amerika Syarikat Melaksanakan Fasa Baru Struktur Antarabangsa	181
5.3 Tindakan Unilateral Amerika Syarikat Berdasarkan Undang-undang Antarabangsa	184
5.4 Kesimpulan	190
BAB 6	
KESIMPULAN	192
RUJUKAN	201

SENARAI JADUAL


	Halaman
Jadual 1: Organisasi Pemimpin-pemimpin Kanan Taliban	84
Jadual 2: Jumlah Pengeluaran Minyak Syarikat <i>ExxonMobile</i> Amerika Syarikat (1998-2006)	145
Jadual 3: Negara-negara Pengimpot Minyak Amerika Syarikat	146
Jadual 4: Negara-negara Pengguna Utama Minyak Dunia, 2006	147
Jadual 5: Sektor-sektor yang Diberikan Perhatian dalam Pembaikpulihan Iraq	162



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1: Aliran Peralihan Pemimpin Amerika Syarikat Berdasarkan Parti (1990-2008)	159
Rajah 2: Perubahan Struktur Antarabangsa Semasa dan Selepas Dekad Pertama Berakhirnya Era Perang Dingin (Bipolar)	180



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Soalan-soalan Temubual Kajian	220
Lampiran B: Peta Negara-negara yang Menjadi Penyumbang Utama Bekalan Minyak Amerika Syarikat	221
Lampiran C: Peta Iraq	222
Lampiran D: Peta Afghanistan	223
Lampiran E: Peta Rantau Timur Tengah	224
Lampiran F: Gambar Bangunan WTC Sebelum Berlakunya Serangan 11 September 2001	225
Lampiran G: Kapal Terbang UA 175 Kelihatan Merempuh Bangunan Menara Selatan WTC	226
Lampiran H: Letupan Berlaku di Menara Utara Bangunan WTC	227
Lampiran I: Gambaran dari Pandangan Ruang Angkasa Bagaimana Serangan Berlaku	228
Lampiran J: Maklumat Terperinci Mengenai Serangan Menggunakan Lukisan Grafik	229
Lampiran K: Semasa Serangan Berlaku di Bandar New York	230
Lampiran L: "Ground Zero" Gelaran kepada Tapak Bangunan WTC Selepas Serangan	231
Lampiran M: Kelihatan Bush Junior sedang Diberitahu oleh Pembantunya tentang Serangan Pertama pada Pagi 11 September di Florida	232

SINGKATAN

AMARCO	-	Arabian American Oil Company
ANFREL	-	The Asian Network for Free Elections
AIPAC	-	American Israel Public Affairs Committee
AIA	-	American Institute of Architect
AEI	-	American Enterprise Institute
BIRD	-	Binational Industrial Research and Development Foundation
CFC	-	Cloroflourocarbon
CIA	-	Central Intelligence Agency
CNN	-	Cable News Network
CPA	-	Coalition Provisional Authority
DHS	-	Department of Homeland Security
EO	-	Executive Order
EU	-	European Union
FTA	-	Free Trade Agreement
FBI	-	Federal Bureau Investigation
FEFA	-	Fair Elections Foundation of Afghanistan
GDP	-	Gross Domestic Product
GWOT	-	Global War on Terror
IAEA	-	UN International Atomic Energy Agency
IDFR	-	Institute of Diplomatic and Foreign Relations
IG	-	Iraqi Interim Government
INOC	-	Iraq National Oil Company
IRRF	-	Iraq Relief and Reconstruction Fund
ISI	-	Inter-Services Intelligence
ISIS	-	Institute of Strategic and International Studies
JEDG	-	Joint Economy Development Group
JINSA	-	Jewish Institute for National Security Affairs
JPMG	-	The Joint Political-Military Group
JSAP	-	Joint Security Assistance Planning Group
MOU	-	Memorandum of Understanding
NAFTA	-	North American Free Trade Agreement
NATO	-	North Atlantic Treaty Organization
NIC	-	Newly Industrializing Countries
NID	-	New Iraqi Dinar
NSDD	-	National Security Decision Directive
NYPD	-	New York Police Department
OPEC	-	Organization of Petroleum Exporting Countries
OSCE	-	The Organization for Security and Cooperation in Europe
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRA	-	People's Democratic Party of Afghanistan
PKK	-	Kurdistan Worker's Party
PNAC	-	Project for New America Century
PRT's	-	Provincial Reconstruction Team's
PSAs	-	Production Sharing Agreements
RDF	-	Rapid Deployment Force (US)
TAL	-	Transitional Administrative Law
TOW-2A	-	Tube-launched, Optically-tracked, Wire-guided

UIN	-	Universitas Indonesia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
UNOCAL	-	Union Oil Company of California
UNSCOM	-	United Nations Special Commission
UUA	-	Undang-undang Awam Antarabangsa
WMD	-	Weapon Mass Destruction
WTC	-	World Trade Center
WTO	-	World Trade Organization



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab pengenalan ini merangkumi latarbelakang, permasalahan, objektif, sorotan literatur, kaedah penyelidikan, andaian-andaian kajian dan struktur kajian. Secara ringkasnya, latarbelakang kajian menjelaskan isu-isu utama yang dikaji. Permasalahan kajian merangkumi persoalan-persoalan kajian yang dibincangkan dalam keseluruhan bab. Manakala objektif kajian pula membincangkan tujuan kajian ini dijalankan dan pada masa yang sama ia juga menentukan hala tuju kajian ini. Sorotan literatur merupakan kajian-kajian lepas yang berkaitan daripada sarjana-sarjana Hubungan Antarabangsa yang menjadi rujukan asas pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

Perbincangan mengenai kaedah kajian adalah penting kerana ia menjelaskan bagaimana data primer dan sekunder dalam kajian ini diperolehi. Kaedah utama ialah menggunakan kaedah temubual bersama sarjana yang pakar berkaitan isu yang dikaji untuk mendapatkan data primer. Teknik pengumpulan data yang turut digunakan juga dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan untuk mendapatkan data sekunder. Andaian asas dalam kajian merupakan andaian pengkaji terhadap tindakan pencerobohan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan dan Iraq selepas Peristiwa 11 September 2001. Manakala teori yang telah digunakan sebagai panduan dalam kajian ialah teori *Neo-Realism* (Structural Realism).

Struktur kajian pula adalah berdasarkan isu-isu yang dikaji seperti yang dijelaskan dalam permasalahan kajian. Ia merujuk kepada tindakan unilateral Amerika Syarikat selepas berlakunya Peristiwa 11 September 2001 berikutan berakhirnya era Bipolar pasca Perang Dingin (1945-1991). Isu-isu yang dibincangkan dalam setiap bab dijelaskan dalam bahagian 1.10 (struktur kajian) bersesuaian dengan tajuk yang dikaji.

1.2 Latarbelakang Kajian

Tindakan unilateral Amerika Syarikat terhadap Afghanistan pada Oktober 2001 dan Iraq pada Mac 2003 merupakan reaksi terhadap Peristiwa 11 September 2001 iaitu sedekad selepas berakhirnya era Perang Dingin. Peristiwa ini telah membuktikan kepada dunia bagaimana pendekatan ketenteraan telah diaktifkan semula oleh Amerika Syarikat melalui pentadbiran George W. Bush¹ (Bush Junior). Dalam konteks ini, Amerika Syarikat bertindak bukan sebagai tentera pengaman antarabangsa tetapi sebagai tentera penceroboh antarabangsa. Ini adalah berdasarkan kepada Undang-undang Awam Antarabangsa (UUA) yang mana setiap negara yang bebas dan merdeka seperti Afghanistan dan Iraq adalah bebas daripada campurtangan kuasa-kuasa asing. Sekiranya berlaku, ia adalah dianggap sebagai satu pencerobohan. Ini tertakluk dalam UUA yang merujuk kepada konteks pengertian sebuah negara bangsa (Statehood). Berdasarkan kepada UUA, negara merupakan satu entiti yang terdiri daripada empat elemen yang berbeza yang akan membentuk sebuah negara iaitu penduduk, kawasan, kerajaan dan kemampuan untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara lain. Keempat-empat elemen ini adalah termasuk dalam "Montevideo Convention" pada tahun 1933. Dalam konteks ini, Iraq dan Afghanistan merupakan negara-negara yang mempunyai elemen-elemen yang telah dinyatakan. Secara tidak langsung, kedua-duanya merupakan negara yang diiktiraf dan bebas daripada jajahan kuasa-kuasa luar. Oleh yang demikian, tindakan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dan Afghanistan adalah disifatkan sebagai satu pencerobohan terhadap negara yang merdeka dan telah mencabuli hak asasi kemanusiaan sejagat disamping telah melanggar UUA.²

¹ George W. Bush (Bush Junior) merupakan Presiden Amerika Syarikat yang ke-43. Pada 20 Januari 2001 beliau telah mengangkat sumpah sebagai presiden dan pada 2 November 2004 beliau telah diundi semula sebagai presiden bagi penggal yang kedua. Beliau telah dilahirkan pada 6 Julai 1946 dan merupakan anak kepada Presiden Amerika Syarikat yang ke-41 iaitu George H. Bush (Bush Senior).

"George W. Bush" (atas talian) <http://www.whitehouse.gov/about/presidents/georgewbush>. Dicetak 9/09/2009.

² Gardiner, Richard K. 2003. *International Law*. Edinburgh: Pearson Education Limited. Hlm. 166-205.

Berlakunya Peristiwa 11 September 2001 telah dikaitkan dengan kemunculan isu keganasan antarabangsa. Pembentukan Doktrin Bush Junior telah dijadikan alat dalam misi memerangi keganasan antarabangsa melalui propaganda *Global War on Terror*. Doktrin ini menggunakan pendekatan ketenteraan yang bersifat *hard power*.³ Pendekatan ini telah meningkatkan perbelanjaan ketenteraan Amerika Syarikat selepas era Perang Dingin. Pada tahun 2005 sahaja, perbelanjaan pertahanan Amerika Syarikat dianggarkan sejumlah US\$ 401.7 bilion. Sementara, pada tahun 2004 jumlah tentera Amerika Syarikat yang ditempatkan di Iraq dan Afghanistan telah meningkat selepas berlakunya Peristiwa 11 September dimana sejumlah 1, 427, 000 tentera adalah berstatus aktif dan 1, 237, 000 merupakan tentera simpanan. Ini adalah berdasarkan kepada perbandingan saiz jumlah dan kekuatan ketenteraan antara Amerika Syarikat, Rusia, China, Korea Utara, Iran dan Syria.⁴

Rentetan itu peristiwa tersebut, isu penganas telah ditimbulkan semula dalam perbincangan antarabangsa. Sedangkan isu ini telah lama wujud di setiap pelusuk rantau termasuk di rantau Eropah, Afrika dan Asia. Persoalannya mengapa isu keganasan ini ditimbulkan semula dan mengapa pula Afghanistan dan Iraq yang dijadikan sasaran? Peristiwa 11 September 2001 telah mengaitkan kedua-duanya sebagai negara-negara penganas yang mampu memberi ancaman kepada keselamatan Amerika Syarikat dan negara-negara lainnya. Afghanistan didakwa sebagai negara penaja penganas yang telah menyembunyikan kumpulan penganas nombor satu dunia iaitu Al-Qaeda yang dipimpin oleh Osama bin Laden. Manakala, Iraq pula didakwa mempunyai Senjata Pemusnah Massa (Weapon of Mass Destruction) yang telah disembunyikan oleh Saddam Hussin. Amerika Syarikat berpendirian bahawa Kedua-dua negara ini mampu memberi ancaman kepada dunia. Justeru, peristiwa 11 September 2001 merupakan antara peristiwa yang telah mencorakkan pergolakan politik antarabangsa selepas era Perang Dunia Pertama

³ *Hard power* merupakan kuasa ketenteraan (Military Power).

Balaam, David N. dan Michael Veseth. 2001. *Introduction to International Political Economy*. New Jersey: Prentice-Hall. Hlm. 461.

⁴ McMahon, Patrice C. dan Andrew Wedeman. 2006. Introduction: Sustaining American Power in a Globalized World *dalam* David P. Forsythe, Patrice C. McMahon dan Andrew Wedeman (eds.). *American Foreign Policy In A Globalized World*. New York: Routledge. Hlm. 9.

(1914-1918), Perang Dunia kedua (1939-1945) dan seterusnya Perang Dingin (1945-1991) termasuk perang-perang proksinya yang lain seperti Perang Korea (1950-1953) dan Perang Vietnam (1959-1975).

Kajian ini secara keseluruhannya membincangkan bagaimana perubahan struktur antarabangsa itu mampu mempengaruhi tindakan dan keputusan sesebuah negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat selepas berakhirnya era Bipolar. Kehadiran Amerika Syarikat dalam sistem antarabangsa selepas era Perang Dunia kedua telah memberi peluang kepada negara *superpower* ini untuk muncul sebagai sebuah negara kuasa besar sekaligus mendominasi aspek ekonomi dan politik antarabangsa. Evolusi dasar luar Amerika Syarikat bergerak secara perlahan-lahan mengikut aliran peredaran zaman berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sistem antarabangsa. Dasar luar negara ini adalah untuk memastikan kuasa politik, ketenteraan dan ekonominya adalah berterusan sebagaimana yang telah dibentuk dalam *Doktrin Truman*⁵.

Berakhirnya era Perang Dunia Kedua merupakan suatu proses permulaan kepada penyebaran kuasa besar Amerika Syarikat ke seluruh dunia. *Marshall Plan* (1948)⁶ merupakan langkah terawal campurtangan Amerika Syarikat di rantau Eropah. Ia merupakan titik bermulanya peningkatan kuasa besar Amerika Syarikat dalam sejarah politik dunia. Rantau Eropah merupakan rantau yang telah menempatkan nama Amerika Syarikat dalam sistem antarabangsa. Kesan daripada

⁵ Doktrin Truman merupakan dasar luar Amerika Syarikat yang telah dibentuk untuk mengekang ideologi Komunis daripada merebak di Greece dan Turki. Dengan sokongan daripada parti Republikan, Presiden Harry S. Truman telah mengumumkan doktrin ini pada 12 Mac 1947. Ia menyatakan, Amerika akan membantu Greece dan Turki dari segi ketenteraan dan ekonomi. Sejumlah US\$ 400 milion diperuntukan atas tujuan tersebut.

"Truman Doctrine" (atas talian) <http://www.spartacus.schoolnet.co.uk/USATrumanD.htm>. Dicetak 9/09/2009.

⁶ *Marshall Plan* (1948) yang juga dikenali sebagai "European Recovery Program" merupakan sebuah program pemulihan Eropah oleh Amerika Syarikat semasa pemerintahan Presiden Harry Truman (1945-1953). Ia telah dicadangkan oleh George C. Marshall pada tahun 1947. Sepanjang tahun 1948-1951, bantuan Amerika Syarikat telah mencecah sebanyak US\$ 12 bilion. Ia telah diperuntukan bagi memulihkan semula keadaan ekonomi negara-negara Eropah selepas Perang Dunia Kedua.

Balaam, David N. dan Michael Veseth, *op.cit.*, hlm. 463.

Perang Dunia Kedua⁷ telah memberi peluang kepada Amerika Syarikat mendahului dan mengatasi negara-negara Eropah dalam kedua-dua aspek iaitu ekonomi dan politik. Dasar Isolasi⁸ (1920-an) Amerika Syarikat yang pernah diamalkan sebelum ini telah memberi kelebihan kepadanya untuk mempersiapkan diri sebelum terlibat dalam sebarang konflik dan isu yang berlaku dalam sistem antarabangsa.

Perkembangan teknologi, kebergantungan kepada ekonomi global dan perubahan struktur dalam sistem politik antarabangsa merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi dasar luar negara tersebut. Perubahan struktur antarabangsa merupakan kesan daripada berakhirnya era Perang Dingin.⁹ Dasar luar Amerika Syarikat pasca Perang Dingin telah dibentuk semula disebabkan oleh cabaran, ancaman politik dan kesan daripada peristiwa-peristiwa penting dunia seperti Perang Dunia Kedua dan Perang Dingin sendiri. Ia turut dipengaruhi oleh perubahan politik domestik termasuk pertukaran pemimpin sesebuah negara¹⁰. Faktor domestik dan pemimpin mampu mempengaruhi setiap langkah dan tindakan sesebuah negara untuk mengatur strategi dalam sistem antarabangsa. Setiap pemimpin mempunyai pendekatan dan pendirian yang berbeza dalam menangani sesuatu agenda politik dunia dengan berdasarkan kepada kepentingan nasional negara masing-masing. Ini merujuk kepada corak budaya politik Amerika Syarikat yang menjadi kebiasaan

⁷ Perang Dunia Kedua telah bermula pada tahun 1939-1945 yang melibatkan negara-negara Pakatan Berikat (Britain, Perancis, Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China) dan negara-negara Pakatan Axis (Jerman, Itali dan Jepun). Ia bermula dengan pencerobohan Jerman terhadap Poland. Selepas daripada itu, Britain dan Perancis telah mengisytiharkan perang terhadap Jerman. Berakhirnya perang ini telah membawa kepada pembentukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945. Selain itu, ia juga telah menjadikan Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet muncul sebagai kuasa-kuasa besar sehingga membawa kepada terjadinya Perang Dingin.

Crozier, Andrew J. 1997. *The Causes of the Second World War*. Oxford: Blackwell Publishers. Hlm. 3-8.

⁸ Dasar Isolasi adalah dasar luar Amerika pada tahun 1920-an yang menggabungkan dasar *Non-interventionist* (Ketenteraan) iaitu dasar yang mengelak daripada terlibat dalam apa-apa pakatan dan peperangan dan *Protectionist* (ekonomi dan budaya) iaitu dasar yang menentukan sempadan untuk menghalang perdagangan dan pertukaran budaya dengan negara lain.

Balaam, David N. dan Michael Veseth, *op.cit.*, hlm. 462.

⁹ Herrick, Christopher dan Patricia B. McRae. 2003. *Issues in American Foreign Policy*. New York: Addison Wesley Longman. Hlm. 596.

¹⁰ Webber, Mark dan Michael Smith. 2002. *Foreign Policy in a Transformed World*. Harlow: Prentice-Hall. Hlm. 114.

seseorang Presiden mengamalkan dasar dan prinsip pemimpin terdahulu mengikut acuan yang telah ditetapkan dalam parti tertentu sama ada Parti Demokrat¹¹ atau Parti Republikan.¹²

Perubahan dasar luar Amerika Syarikat jelas berubah semasa pentadbiran George H. Bush (1988-1993) iaitu selepas berakhirnya era Perang Dingin. Pemerintahan beliau merupakan era permulaan berakhirnya dunia Bipolar. Keruntuhan Tembok Berlin pada tahun 1989 dan perpecahan Kesatuan Soviet pada tahun 1991 telah menyumbang kepada perubahan dasar Amerika Syarikat selepas era Perang Dingin. Beliau telah melancarkan Orde Dunia Baru (New World Order) bagi menyesuaikan persekitaran sistem dunia yang bebas daripada fahaman Komunis. Ia lebih memfokuskan kepada perkembangan ekonomi global melalui perdagangan bebas tanpa memikirkan isu peperangan dan ideologi. Hak-hak asasi kemanusiaan antarabangsa turut diketengahkan yang mana sebelum ini sering diabaikan sebelum berakhirnya era Perang Dingin. Semasa era Perang Dingin, negara-negara lebih cenderung mementingkan kuasa tanpa memikirkan soal hak-hak asasi kemanusiaan antarabangsa. Jelasnya, Peristiwa 11 September telah membuka lembaran baru dalam era pemerintahan politik Amerika Syarikat selepas era George H. Bush (Bush Senior) dan Bill Clinton (1993-2001). Kehadiran George W. Bush (Bush Junior) dalam pemerintahan kerajaan Amerika Syarikat yang telah menggantikan bapanya George H. Bush (Bush Senior) telah mengubah tindakan dan keputusan negara tersebut selepas berakhirnya dekad pertama era Perang Dingin.

¹¹ Parti Demokrat merupakan satu daripada dua parti utama Amerika Syarikat. Ia telah diasaskan pada tahun 1820-an. Pada awalnya parti ini merupakan hanya parti minoriti dalam Dewan Senat dan Dewan Perwakilan Amerika Syarikat. Namun, lama kelamaan ia mula menguasai majoriti dalam Dewan Perwakilan dan Dewan Senat Amerika Syarikat.

Welch, Susan, John Gruhl, Michael Steinman, John Comer dan, Susan M. Rigdon. 1998. *American Government: Post election update*. New York: Wadworth Publishing Company. Hlm. 146-147.

¹² Parti Republikan telah diasaskan pada 1854. Ia juga merupakan satu daripada parti utama selain parti Demokrat. Ia sering dirujuk sebagai *Grand Old Party* (GOP). Para aktivis anti-perhambaan dan pemodenan merupakan golongan yang bertanggungjawab mengasaskannya. Pada tahun 1860 buat pertama kalinya parti ini berkuasa dibawah pimpinan Abraham Lincoln. Parti ini bergerak berasaskan kepada pegangan Konservatif dan Neo-konservatif.

Ibid: 148.

Berlakunya Peristiwa 11 September 2001 telah memulakan era perluasan kuasa ketenteraan Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa besar antarabangsa selepas ketiadaan Kesatuan Soviet. Peristiwa ini merupakan garis permulaan yang telah dicorakkan oleh kuasa besar ini bagi mengekalkan kuasanya dalam sistem antarabangsa selepas era Perang Dingin. Amerika Syarikat telah menjadikan peristiwa ini sebagai alat atau alasan untuk bertindak menyerang Afghanistan pada Oktober 2001 dan Iraq pada Mac 2003.

1.3 Permasalahan Kajian

Peristiwa 11 September 2001 telah menyebabkan Amerika Syarikat bertindak menyerang Afghanistan pada Oktober 2001 dan Iraq pada Mac 2003 iaitu selepas dekad pertama berakhirnya era Perang Dingin (1991-2001). Hal ini menimbulkan persoalan kepada pengkaji, adakah perubahan struktur antarabangsa telah mempengaruhi tindakan dan keputusan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan dan Iraq selepas berakhirnya era Perang Dingin? Ketiadaan ancaman Kesatuan Soviet (Rusia) selepas berakhirnya era Perang Dingin telah menjadikan Amerika Syarikat kuasa tunggal dunia. Amerika Syarikat seakan mencari ancaman baru bagi mengimbangi kuasanya dalam sistem antarabangsa untuk membentuk satu struktur baru selepas ketiadaan ancaman Kesatuan Soviet (Rusia).

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti keadaan struktur antarabangsa yang mungkin terbentuk selepas berakhirnya dekad pertama Perang Dingin selepas berlakunya Peristiwa 11 September 2001.
2. Membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan tindakan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan dan Iraq selepas berlakunya Peristiwa 11 September 2001.
3. Mengkaji bagaimana perubahan struktur antarabangsa telah mempengaruhi faktor-faktor tindakan Amerika Syarikat menyerang Afghanistan dan Iraq selepas berakhirnya era Perang Dingin.

1.5 Sorotan Literatur

Tindakan unilateral Amerika Syarikat jelas didorong oleh pelbagai faktor yang timbul selepas berlakunya Peristiwa 11 September 2001. Sistem antarabangsa yang mengalami perubahan struktur selepas berakhirnya era Perang Dingin menjadi faktor penting dalam menentukan sesuatu keputusan dan tindakan dasar luar sesebuah negara. Peristiwa 11 September 2001 berlaku disebabkan oleh struktur antarabangsa yang berubah daripada sistem Bipolar kepada sistem Multipolar selepas kejatuhan Kesatuan Soviet (Rusia). Ketiadaan ancaman selepas Rusia telah menjadikan Amerika Syarikat mencari musuh baru bagi mengimbangi kuasanya dalam sistem antarabangsa. Peristiwa 11 September 2001 telah dijadikan oleh Amerika Syarikat sebagai alat memerangi isu keganasan antarabangsa. Ia telah dijadikan isu yang menjadi perbincangan utama masyarakat global selepas satu dekad berakhirnya Perang Dingin. Menurut Waltz¹³ dan Mearshimer¹⁴, mereka menyatakan bahawa dunia selepas Perang Dingin adalah berbentuk Multipolar dan bukannya Unipolar. Mereka berpendapat bahawa keadaan sistem Bipolar yang wujud semasa era Perang Dingin merupakan satu sistem yang stabil dan aman. Kehadiran Amerika Syarikat dan Rusia (Kesatuan Soviet) telah membawa kepada keseimbangan kuasa (Balance of Power) dalam sistem antarabangsa. Namun, keadaan persekitaran antarabangsa yang bersifat anarki tidak akan menjamin keamanan yang berterusan. Oleh itu, kecenderungan perang akan berlaku pasti ada. Ketiadaan satu kuasa pusat dalam sistem antarabangsa akan menjadikan negara-negara berbalah sesama sendiri. Dunia tidak akan pernah aman walau dalam keadaan apa sekalipun. Peluang keamanan adalah tipis dan hanyalah bersifat sementara.

Waltz dan Mearshimer percaya, berakhirnya era Bipolar telah membawa dunia melangkah ke era Multipolar. Dunia mula membentuk pencabar-pencabar baru yang wujud di peringkat rantau yang masing-masing mempunyai kekuatan dari segi ekonomi dan politik. China dan Jepun merupakan dua negara Asia yang muncul sebagai kuasa pesaing kepada Amerika Syarikat selepas era Bipolar. China misalnya,

¹³ Waltz, Kenneth. 2000. Structural Realism after the Cold War. *International Security*. **25** (1).

¹⁴ Mearshimer, John J. 1995. Back to the future: Instability of the Europe after the Cold War. *International Security*. **15** (1).